

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER- SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**TAWARAN TAPAK BAGI MENJALANKAN PERUSAHAAN TERNAKAN IKAN DALAM
SANGKAR DI TAPAK INDUSTRI AKUAKULTUR PERIKANAN BUANG TAWAR DAN
TANJONG PELUMPONG
DI PERAIRAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memaklumkan adanya beberapa kekosongan lot tapak industri akuakultur perikanan di Buang Tawar dan Tanjong Pelumpong bagi sektor industri ternakan ikan dalam sangkar di perairan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan ini, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk memohon lot tapak tersebut di atas adalah seperti berikut:-

1. Pemohon-pemohon mestilah terdiri dari Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam
2. Mempunyai sijil perniagaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam
3. Sebutharga hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat
4. Yuran sebanyak **\$5.00** bagi satu borang permohonan adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemohon. Pembayaran borang permohonan bolehlah dibuat di Tingkat Bawah, Seksyen Kewangan, Jabatan Perikanan, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa Muara BT1728, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja:

Isnin dan Khamis : 8.30 pagi – 10.30 pagi

5. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenalan/Pasport dan Daftar Pemilik Syarikat hendaklah disertakan bersama ketika mengambil dan menghantar borang permohonan.

Untuk keterangan lanjut dan bagi mendapatkan borang permohonan, pemohon-pemohon bolehlah menghubungi di alamat berikut:-

**Peti Sebutharga,
Seksyen Kewangan, Jabatan Perikanan,
Di Bangunan Jabatan Perikanan,
Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara BT1728,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan,
Negara Brunei Darussalam
Tel: 2770068 / 2770069**

Borang permohonan dan kertas cadangan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat yang tersebut di atas. Tarikh tutup menerima permohonan ialah pada **7 Oktober 2021, jam 2.00 petang**. Disamping itu, satu sesi taklimat secara atas talian mengenai perkara di atas akan diadakan pada hari **Sabtu, 2 Oktober 2021, jam 9.00 pagi** menggunakan aplikasi **Zoom Cloud Meeting**